



BERJAYA SCHOOL OF HUMANITIES & SOCIAL SCIENCES
Faculty of Liberal Arts

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : _____

Course Code & Name : **MPU2212 BAHASA KEBANGSAAN A**
 Trimester & Year : January – April 2019
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. This question paper consists of 2 parts:
 - PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple-choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.**
 - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
Answers are to be written in the Answer Booklet provided.**
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

Total Number of pages = 11 (Including the cover page)

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**
ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

Petikan (i)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bermula pada tahun depan, Kementerian Pendidikan telah menggantikan penggunaan kasut putih kepada kasut hitam di semua peringkat sekolah. Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik berkata, pelaksanaan tersebut dilakukan selepas pihaknya mendapat maklum balas dan keluhan daripada ibu bapa yang sering mengadu mengenai tahap kebersihan kasut putih yang dipakai oleh anak mereka. Langkah ini juga dapat membantu menceriaikan para pelajar terutama dalam menjalankan aktiviti luar bilik darjah.

Menurut Ketua Program Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Nor Ba'ayah Abdul Kadir berkata, pelaksanaan untuk memakai kasut hitam bukan menjadi satu masalah dalam sesi persekolahan. Beliau menyatakan bahawa pemakaian kasut hitam menjadikan pakaian pelajar kelihatan kemas dan memudahkan penjagaannya. Beliau turut **menangkis tanggapan negatif** yang mengatakan bahawa pemakaian kasut hitam akan melahirkan pelajar-pelajar malas kerana aspek kebersihan bukan dinilai daripada pemakaian semata-mata sebaliknya bergantung kepada seseorang individu itu. Selain itu, penukaran kasut hitam akan memudahkan pelajar untuk membasuhnya memandangkan sebelum ini, pelajar-pelajar mengambil masa yang lama untuk membasuh kasut kerana sukar untuk menanggalkan kotoran pada kasut yang berwarna putih. Mereka juga perlu meletakkan kapur pada kasut selepas dibasuh. Penukaran kasut hitam secara tidak langsung akan dapat menjimatkan perbelanjaan kerana mereka tidak perlu lagi membeli kapur kasut. Sementara itu, Presiden Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN), Datuk Mohamad Ali Hassan turut bersetuju dengan langkah tersebut dan menurutnya lagi, amat wajar dilaksanakan dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti keadaan cuaca, aktiviti di sekolah dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, seorang penyokong kasut putih, Osman Mokhtar tetap mempertahankan pendiriannya mengenai pemakaian kasut putih untuk ke sekolah kerana warna putih melambangkan keperibadian seseorang itu sama ada rajin ataupun malas. Malah, ia mendidik pelajar itu bersifat berdikari. Tegasnya lagi, pemakaian kasut putih telah bermula sejak zaman nenek moyang lagi dan tidak patut dihapuskan kerana warna putih ini dapat mendidik pelajar supaya menjaga kebersihan sejak peringkat awal.

Walaupun terdapat percanggahan pendapat, namun jika dilihat secara keseluruhannya, penukaran warna kasut ini tidak akan memberi kesan kepada keputusan peperiksaan ataupun sahsiah anak-anak. Kebersihan atau nilai-nilai sahsiah boleh dibentuk dalam pelbagai cara.

(Dipetik dan diubah suai daripada petikan "Pelajar lebih kemas pakai kasut hitam", Kosmo Online, 26 Julai 2018)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa "**menangkis tanggapan negatif**"? **(2 markah)**
2. Berdasarkan petikan tersebut, nyatakan **EMPAT (4)** kebaikan kasut hitam kepada para pelajar. **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, apakah **DUA (2)** perkara yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk menunjukkan sokongan terhadap pemakaian kasut hitam ini? **(4 markah)**

Petikan (ii)

Baca petikan puisi di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Tajuk : Sebuah Buku

Karya : Nordin Saad

Sebuah buku
adalah segedung ilmu
yang perlu dihuni
untuk mencari isi.

Sebuah buku
adalah seorang guru
yang bertandang tanpa jemu
memberi segala mahu.

Sebuah buku
adalah sebuah tugu
jika dibiarkan begitu
hanya menjadi singgahan debu.

Sebuah buku
menyimpan misteri beribu
pada orang yang tahu.

1. Apakah yang dimaksudkan frasa “**menyimpan misteri beribu**”? **(2 markah)**
2. Apakah **DUA (2)** nasihat yang ingin disampaikan penulis berdasarkan puisi tersebut? **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, nyatakan **DUA (2)** cara untuk memupuk amalan membaca dalam kalangan pelajar. **(4 markah)**

TATABAHASA (20 markah)

Bahagian ini mengandungi DUA (2) soalan WAJIB dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

- (a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maknanya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

- I. memangku (2 markah)
- II. menatang (2 markah)
- III. menyorong (2 markah)
- IV. menyeret (2 markah)
- V. mengandar (2 markah)

(10 markah)

- (b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

1. Rajnikhan selalu menasihatkan kawan-kawannya agar tabah dalam menghadapi cabaran hidup tetapi ketika musibah menimpa dirinya, dia tidak dapat menanggungnya.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

2. Pengurusan syarikat itu mensasarkan peningkatan jualan prodaknya sebanyak tujuh puluh peratus dalam jangka masa setahun.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

3. Syarikat itu membayar bonos kepada kakitangannya pada setiap tahun untuk memberikan galakkan agar mereka bekerja dengan bersungguh-sungguh.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

4. Pameran Sain dan teknologi itu menarik perhatian para kunjungan.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

5. Semasa Majlis Hari Ibu berlangsung, adik Marcella terhadiah sejambak bunga kepada ibunya.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

(10 markah)

SOALAN 2**: SOALAN ESEI (30 MARKAH)****ARAHAN****: Bahagian ini terdiri daripada SATU (1) bahagian yang wajib dijawab.**

KARANGAN

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

SOALAN 1

Aktiviti riadah merupakan aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat pada waktu lapang mereka. Huraikan pendapat anda tentang kepentingan aktiviti riadah dalam kehidupan manusia.

SOALAN 2

Isu ragut semakin berleluasa terutama sekali di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur. Pada pendapat anda, bagaimanakah caranya untuk menangani masalah ragut ini daripada terus berlaku?

SOALAN 3

Tulis sebuah karangan berdasarkan peribahasa, “ada udang di sebalik batu”.

KERTAS SOALAN TAMAT